

KEPUTUSAN KES RAYUAN JENAYAH SYARIAH
ANTARA
XXXXXX – PERAYU
LAWAN
PENDAKWA SYARIE NEGERI MELAKA - RESPONDEN

Undang-Undang Mahkamah Syariah-Seksyen 81 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1991- Kesalahan Judi -Rayuan hukuman pemenjaraan.

Pegum Syarie

Perayu : Tuan Hj Mohtar Bin Karim daripada Tetuan Mohtar & Co.
Responden : Pendakwa Syarie

Kitab-Kitab Yang Dirujuk

1. Kitab القواعد الفقهية للدعوى القضائية karangan Dr. Husain ibnu Abdul Al-Aziz Ali As-Syeikh (د . حسين بن عبد العزيز آل الشيخ) jld.2, hlm. 748 cetakan Dar Al-Tauhid li Al-Nasyr Riyad
2. Kitab " أصول المحاكمات الشرعية الجزئية " karangan Dr. Usamah Ali Mustafa hlm. 471, cetakan Dar al-Nafais Jordan, cetakan pertama Tahun 2005
3. Kitab Nidzam al-Qada' Fi al-Syariah al-Islamiyyah oleh Dr. Abdul Karim Zaidan terbitan Muassasah al-Resalah, Beirut, Lubnan, cet. 3, 1421H bersamaan 2000M, muka surat 135

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

4. Kitab Nazariyyah al-Hukm al-Wadai fi al-Syariah wa al-Qanun, dar al-Nafais, Amman, Jordan, cet. 1 200M = 1420H, hlm. 307
5. Mengikut Kitab: كتاب اعلام الموقعين Karangan Ibnu Qaiyim, Jld. 4 m muka surat 372-275 cetakan Bairut Tahun 1972
6. Kitab قضايا الحبس والإعتقال في الفقه الاسلامي Oleh Dr. Muhammad Said al-Ramlawi Kuliyyah al-Syariah Wal-Wanun-Kaherah Tahun 2008 Cetakan Darur al-Jamiah al-Jadidah muka surat 7
7. Kitab السيرة الشريفة Imam Ibnu Taimiyyah halaman 112
8. Kitabnya التزير في الشريعة الإسلامية Dr. Abdul Aziz Amir halaman 38, cetakan Dar al-Fikr al-Arabiy tahun 2007
9. Kitab “ Al-Tasyi’al-Jinaei” As-Syeikh Abdul Qadir Audah halaman 688
10. Kitab " العقوبة في الفقه الاسلامي " karangan Dr. Ahmad Fathi Bahansiy halaman 135, cetakan Dar al-Raid al'Arabiyy, Tahun 1403H
11. Kitab “Akhbar Al-Khulafa Al-Mustaqaddimin Abu Bakar Al-Tartusyi
12. Imam yang kenal iaitu الجامع الاحكام القرآن oleh al-Qurtubi jilid 3 muka surat 60-61 cetakan Bairut Lubnan
13. Kitab الجامع الاحكام القرآن Karangan Imam al-Qurtubi muka surat 61.
14. Kitabnya al-Tasyri’ – al-Jinae, oleh Abdul Qadir Audah jld. 1 halaman 695

Undang-Undang Yang Dirujuk

1. Seksyen 81 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka Tahun 1991
2. Seksyen 96(b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002
3. Seksyen 73 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002

4. Seksyen 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Melaka 2002

Kes-Kes Yang Dirujuk

1. XXXXXX lwn Ketua Pendakwa Syarie Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sembilan (Syawal 1423/Disember 2002) JH Jld. XV. Bhg. II
2. XXXXXX lwn Pendakwa Syarie Negeri Melaka (2004) CLI (Sya)
3. **XXXXXX lwn. PP(1998) 1 MLJ 167,**
4. XXXXXX lwn Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan (2004) CLJ (Sya).

Alasan Penghakiman Oleh Y.A.A Datuk Mahammad bin Ibrahim Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka

1. Di dalam kes ini perayu merayu terhadap keputusan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin Melaka yang telah menjatuhkan hukuman dengan denda sebanyak RM 700.00 jika gagal bayar penjara sebulan dan lima (5) hari penjara.
2. Berdasarkan fakta kes, perayu telah disabitkan di atas pertuduhan hadir dan membeli tiket perjudian di premis perjudian di bawah Seksyen 81 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka Tahun 1991.
Mengikut Seksyen 81:

“Sesiapa orang Islam yang didapati hadir di tempat-tempat judi samada ia melakukan perjudian atau tidak, adalah merupakan satu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM 1,000.00 (satu ribu ringgit) atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.”

3. Di dalam kes rayuan ini perayu telah mengemukakan beberapa alasan supaya dipertimbangkan terhadap hukuman yang telah dijatuhkan oleh Hakim Bicara. Alasan rayuan tersebut adalah seperti berikut:-
 - a. Yang Arif Hakim Bicara telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang dalam menjatuhkan hukuman tanpa memberi ruang dan peluang kepada perayu bagi mendapatkan nasihat perundangan yang sewajarnya.
 - b. Yang Arif Hakim Bicara telah gagal untuk memberikan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya dalam menjatuhkan hukuman terhadap perayu dengan tidak mengambil kira faktor pengakuan bersalah perayu secara sukarela.
 - c. Yang Arif Hakim Bicara telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang dalam menjatuhkan hukuman dengan menetapkan

hukuman denda RM 700.00 jika gagal bayar sebulan penjara dan penjara selama lima (5) hari sebagai jenis hukuman kepada perayu.

Yang Arif Hakim Bicara di dalam alasan penghakimannya ada menyatakan bahawa hukuman yang dijatuhkan kepada perayu ini adalah untuk memastikan bahawa hukuman yang dijatuhkan merupakan hukuman yang dapat menyedarkan, memberi pengajaran dan menginsafkan tertuduh. Disamping boleh menjadikan pengajaran kepada orang awam yang lain supaya tidak mengulangi kesalahan yang sama. Namun begitu Yang Arif Hakim Bicara tidak memberikan alasan-alasan yang lebih lanjut dan kukuh untuk menyokong hukuman denda maksimum bersama dengan hukum penjara.

- d. Yang Arif Hakim Bicara telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang dalam menyatukan hukuman tanpa mempertimbangkan faktor-faktor yang meringankan hukuman dan faktor memberatkan hukuman dalam kes perayu.
4. Pada umumnya sesuatu kes yang telah diputuskan oleh seseorang Hakim tidak boleh membatalkan hukumannya. Kaedah Fiqhiah menetapkan bahawa:

الاحتياط لا ينقص بالاجتهاد

Yang bermaksud ijtihad tidak boleh dibatalkan dengan ijtihad.

Didalam kitab **معنى المحتاج** karangan Muhamad Khatib al-Syirbini jild. 6 muka surat 307 cetakan mesir ada menyatakan bahawa:

وإذا حكم بإجتهاده ثم بان خلاف نصي الكتاب أو السنة أو الإجماع أو قياس جلي نقضه هو وعيره

Maksudnya "Apabila seseorang Hakim telah berijtihad kemudian ternyata ia tersilap atau terkhilaf dalam nas kitab, sunah, ijma' atau qiyas secara terang maka hendaklah Hakim lain membatalkan keputusan atau hukuman yang dijatuhkannya".

5. Oleh itu di dalam kes ini bukan bermaksud apabila seseorang itu membuat rayuan ke Mahkamah yang lebih tinggi maka Hakim Rayuan tersebut akan membatalkan semua hukuman tersebut. Bukan bermaksud begitu. Akan tetapi ia bermaksud apabila seseorang Hakim atau tiga orang Hakim yang mendengar rayuan tersebut hendaklah ia mengkaji dari pelbagai sudut dan aspek kenapa dan mengapa hukuman tersebut dijatuhkan. Wajar atau tidak wajar terhadap hukuman tersebut. Atau adil atau tidak keputusan tersebut. Adakah ia benar-benar berpandukan kepada undang-undang atau hukum syarak dibuat. Tepat atau tidak hukuman tersebut. Berat sebelah atau tidak hukuman tersebut. Atau bagaimana alasan penghakiman itu dibuat.

6. Berdasar kepada semua fakta dan isu rayuan perayu dalam kes ini, Mahkamah ini akan membuat penelitian dan penilaian serta menimbangkan samada Hakim Bicara telah membuat pertimbangan dan keputusan yang wajar dan tepat terhadap kehendak prosedur undang-undang yang telah ditetapkan oleh Acara Jenayah Mahkamah Syariah Negeri Melaka (2002). Seterusnya Mahkamah ini akan melihat bagaimanakah alasan-alasan Hakim Bicara dalam alasan penghakimannya dalam mensabitkan kesalahan perayu dalam membuat, mempertimbangkan terhadap hukuman ke atas perayu.
7. Berdasarkan rekod rayuan dan fakta kes pihak perayu dalam kes ini telah disabitkan kesalahan kerana perayu telah melanggar dan menyalahi serta melakukan kesalahan di bawah Seksyen 81 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka Tahun 1991. Pengsabitan perayu adalah atas pengakuan perayu atau ikrar perayu sendiri berdasarkan pengakuan bersalah didalam catatan Hakim di muka 3 didalam catitan rekod rayuan perayu.

Mahkamah Tinggi ini telah melihat dan merujuk catatan Hakim bahawa Hakim Bicara dalam penghakimannya juga di muka surat 11 hingga 12 rekod rayuan telah menyatakan bahawa pengsabitan perayu adalah di bawah Seksyen 81 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka Tahun 1991 di atas pengakuan bersalah perayu sendiri. Mengikut

peruntukan Seksyen 96(b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002 yang menyatakan sebagaimana berikut :-

96(b) Tatacara dalam perbicaraan.

(b) Jika tertuduh mengaku bersalah atas sesuatu pertuduhan samada atas pertuduhan asal atau yang dipinda akuan itu hendaklah direkodkan dan dia boleh disabitkan atas kesalahan itu.

Dengan syarat bahawa sebelum sesuatu akuan bersalah direkodkan Mahkamah hendaklah menentukan bahawa tertuduh memahami sifat dan akibat daripada akuannya itu dan ia berniat untuk mengakui tanpa bersyarat, kesalahan yang dikatakan terhadapnya itu.

8. Hakim Bicara juga dalam penghakimannya muka surat 3 rekod rayuan menyatakan bahawa "sabitan kesalahan tertuduh adalah atas pengakuan bersalah tertuduh setelah tertuduh memahami dan mengetahui sifat dan akibat daripada pengakuan itu dan dia berniat untuk mengakui kesalahan tanpa bersyarat kesalahan yang dikatakan terhadapnya itu".
9. Di dalam membuat sabitan dan keputusan kes ini saya mendapati dan berpuas hati bahawa Hakim Bicara telah mengendalikan perbicaraan

dan sabitan serta menjatuhkan hukuman adalah menepati dan memenuhi dengan kehendak Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Melaka 2002 seperti berikut :-

- i. Pertuduhan dibacakan kepada Orang Kena Tuduh (OKT)
- ii. Hakim Bicara menyoal OKT semasa prosiding:
 - a. Adakah OKT memahami pertuduhan yang dibacakan terhadapnya.
 - b. Adakah OKT mengaku bersalah di atas pertuduhan tersebut.
 - c. Adakah OKT memahami sebab dan akibat daripada pengakuan bersalah tersebut.
- iii. Hakim Bicara meminta Pendakwa membentangkan fakta kes.
- iv. Hakim Bicara menyoal OKT samada fakta kes yang dibentangkan oleh Pendakwa adalah benar atau tidak.
- v. Hakim membuat sabitan terhadap pengakuan bersalah OKT.
- vi. Hakim Bicara memberi peluang kepada OKT untuk membuat rayuan sebelum hukuman dijatuhkan.
- vii. Hakim beri peluang kepada Pendakwa untuk membuat hujahan balas terhadap rayuan-rayuan OKT.
- viii. Hakim memberi peluang kepada OKT untuk membuat rayuan semula.

- ix. Hakim berpuas hati menjatuhkan hukuman terhadap kesalahan yang dilakukan oleh OKT.
 - x. Menangguhkan pelaksanaan hukuman setelah OKT merayu terhadap hukuman tersebut.
10. Saya berpendapat bahawa Hakim yang menjatuhkan hukuman kepada OKT tersebut adalah memenuhi kehendak prosedur Undang-undang Tatacara Janayah Syariah Negeri Melaka 2002. Ia juga telah memenuhi kehendak hukum syarak. Iaitu apabila seseorang Hakim hendak menjatuhkan hukuman hendaklah terlebih dahulu memahami dan berpuas hati dengan hujah yang dikemukakan kepadanya. Ini adalah sepertimana yang dinyatakan oleh Amirul Mu'minin Omar bin Al Khattab kepada Abu Musa Asyaari, (رضي الله عنه) Katanya

فأفهم إذا أدلى اليك وأنفذ إذا تبين

Maksudnya hendak kamu memahami kes dan undang-undang yang berkaitan apabila kes ini dikemukakan kepada kamu dan apabila ia terang dan nyata hendaklah kamu putus dan laksanakan hukuman tersebut.

Sila rujuk Kitab " تبصرة الحكام " halaman 28

11. Didalam membuat keputusan tersebut saya berpuas hati di atas keputusan yang diambil oleh Hakim Bicara dalam mensabitkan kesalahan perayu serta menjatuhkan hukuman ke atas perayu. Ini adalah selaras dengan sebuah hadis iaitu seperti berikut :-

قل ا لنبي صلي الله عليه وسلم :
البينه علي المدعي واليمين علي من أنكر
(رواه البيهقي)

Sabda Nabi Muhammad: "Keterangan pada yang Mendakwa dan Sumpah pada yang ingkar (Didakwa didalam kitab القواعد الفقهية للدعوى القضائية karangan Dr. Husain ibnu Abdul Al-Aziz Ali As-Syeikh (د . حسين بن عبد العزيز آل الشيخ) jld.2, hlm. 748 cetakan Dar Al-Tauhid li Al-Nasyr Riyad ada menyebut maksud hadis di atas sepertimana katanya

فان البينه لا تقام الاعلي منكر ولا تقام علي مقرر

Maka sesungguhnya tidak dikemukakan keterangan (البينه) kecuali orang yang kena dakwa menyangkal pertuduhan yang dibuat ke atasnya dan orang yang kena tuduh apabila mengakukan di atas tuduhan yang dibuat ke atasnya maka ketika itu keterangan (البينه) tidak diperlukan.

Ini bertepatan dengan kaedah fiqhiyyah yang disepakati:

ومن القواعد المقررة (البينة على المقر باطلاً)

“Mengemukakan keterangan (al-Baiyyinah) ke atas orang yang mengaku salah adalah dikira sebagai tidak sah ” باطلاً

12. Saya berpendapat bahawa dalam kes rayuan ini, Pendakwa telah dapat membuktikan dakwaannya terhadap kesalahan tertuduh. Manakala perayu pula telah mengakui kesalahannya serta memahami dan mengetahui sifat dan akibat daripada pengakuannya tanpa syarat. Maka tidak perlu lagi pendakwa membawa keterangan dan saksi-saksi untuk memberikan keterangan kepada Mahkamah. Ini adalah selaras dengan Seksyen 73 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002 seperti berikut :-

73(1) - Sesiapa berhasrat supaya mana-mana Mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau liabiliti di sisi undang-undang yang bergantung pada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.

73(2) - Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, maka dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu.

Dalam kes ini, Pendakwa telah dapat membuktikan bahawa kesemua fakta-fakta yang dikehendaki di atas pertuduhan yang telah dipertuduhkan telah dibuktikan ketika mana perbicaraan di lakukan.

13. Berdasarkan kepada pengakuan bersalah perayu tanpa paksaan dan perayu memahami pertuduhan yang dibacakan serta memahami sifat dan akibat daripada pengakuannya secara ikrar maka Hakim mensabitkan dan menjatuhkan hukuman berdasarkan ikrar perayu. Mahkamah Tinggi berpendapat bahawa pensabitan melalui ikrar merupakan salah satu keterangan yang cukup kuat dan mengikat orang yang melafazkan ikrar tersebut.

14. Didalam kitab " أصول المحاكمات الشرعية الجزئية " karangan Dr. Usamah Ali Mustafa hlm. 471, cetakan Dar al-Nafais Jordan, cetakan pertama Tahun 2005

Menyebut:

ووجه قبول الإقرار أن المقر غير متهم فيما أقربه علي نفسه ، والحجج يعمل بها عند انتفاء التهمة ،
ولذا سمي الإقرار بسيد الحجج أو كما يقل في زماننا بأنه سيد الأدلة

Kriteria penerimaan iqrar ialah sipengaku adalah serorang yang tidak ada tohmah pada sesuatu yang diiqrarkan terhadap dirinya. Pembuktian yang diterima dengan iqrar adalah iqrar yang tidak terdapat tomah.

Oleh yang demikian iqrar dinamakan sebagai سيد الحجج (penghulu segala keterangan) atau disebut juga sebagai سيد الأدلة (penghulu kepada pembuktian)

15. Dr. Abdul Karim Zaidan dalam kitabnya Nidzam al-Qada' Fi al-Syariah al-Islamiyyah terbitan Muassasah al-Resalah, Beirut, Lubnan, cet. 3, 1421H bersamaan 2000M, muka surat 135 ada menyebutkan tentang takrif Iqrar yang menyebutkan:

الإقرار هو الاعتراف . وعند الفقهاء هو الإخبار بثبوت حق للغير على نفس المقر ولو في المستقبل

Maksudnya:

“Iqrar ialah membuat pengakuan. Menurut para Fuqaha’, Iqrar ialah memberitahu seseorang akan sabit hak orang lain ke atas dirinya walaupun buat masa akan datang”.

Dr. Abdul Nasir Musa Abu al-Basal menyebut dalam kitabnya **Nazariyyah al-Hukm al-Wadai fi al-Syariah wa al-Qanun**, dar al-Nafais, Amman, Jordan, cet. 1 200M = 1420H, hlm. 307 bahawa:

والحكم الثابت بالاقرار هو اقوي مرتبة من مراتب الأحكام ، وكما يقل الاعتراف سيد الأدلة
(د. عبدالناصر موسى أبو البصل ، نظرية الحكم القضائي في الشريعة والقانون ، دار النفائس ، عمان ،
الأرين ، الطبعة الأولى ، 200 م = هـ 1420 ، ص 307)

Maksudnya: Hukum yang sabit dengan iqrar adalah merupakan kedudukan tertinggi di antara kategori-kategori hukum, ia disebut juga sebagai الاعتراف (pengakuan) iaitu penghulu kepada segala jenis pembuktian (سيد الأدلة)

16. Berdasarkan kepada beberapa pendapat ulama Feqah telah jelas bahawa pengakuan iqrar oleh perayu dihadapan Hakim adalah mengikat perayu sendiri. Dengan pengikatan itu membolehkan

Hakim Bicara mengsabitkan kesalahan perayu dan menjatuhkan hukuman kepadanya. Mengikut Sek. 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Melaka 2002 memperuntukkan:

- i. *Iqrar* ialah satu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau isyarat menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap mana-mana orang lain berkenaan dengan sesuatu hak.
 - ii. Sesuatu *iqrar* hendaklah dibuat:
 - a. Didalam Mahkamah, dihadapan Hakim
17. Pada umumnya bukan senang seorang yang dituduh berikrar mengaku bersalah dihadapan Hakim. Ini adalah kerana ia telah dituduh di Mahkamah terbuka yang terdedah kepada pengetahuan orang awam. Sudah tentu ia mendapat malu apatah lagi ia dipertuduh dengan kesalahan jenayah syariah. Apabila ia hadir ke Mahkamah ia merasakan gementar, gerun, panik dan berbagai perasaan yang dirasainya. Untuk mengelak daripada mendapat malu ia mengambil sikap mengaku tidak bersalah. Apabila ia mengaku tidak bersalah maka ia ada kesempatan untuk mendapatkan nasihat undang atau mengambil peguam untuk mewakilinya di dalam perbicaraan.

18. Sekiranya ia mengambil jalan mudah dengan membuat pengakuan bersalah bererti ia telah menyedari hakikat kesalahannya. Ia juga akan menanggung segala hukuman yang akan dijatuhkan kepadanya, walaupun hukuman penjara sekalipun.

Sekiranya hukuman penjara dijatuhkan tetapi ia masih lagi tidak reda dan rela maka ia memberi erti bahawa ia tidak ikhlas dalam membuat pengakuan bersalah tersebut. Ini adalah kerana ia mempunyai tanggungan yang banyak. Tanggungan ke atas isteri, anak-anak dan ibu dan bapa. Ia beranggapan sekiranya dipenjarakan siapakah yang akan menanggung makan minum isteri dan anak-anaknya. Apatah lagi anak-anak tersebut sedang membesar dan memerlukan kasih sayang daripada seorang bapa. Sebab itulah mereka beranggapan bahawa apabila mereka mengaku bersalah mereka akan dijatuhkan hukuman denda sahaja. Tetapi apa yang mereka impikan tidak berlaku sebaliknya perkara yang tidak disangka-sangka berlaku.

Sekiranya hukuman denda wang dijatuhkan mereka sanggup mengeluarkan wang sebanyakmana sekalipun untuk membayar denda tersebut.

19. Di dalam kes ini setelah meneliti dan menghalusi hukuman yang telah dijatuhkan, maka beberapa isu pokok perlu dipertimbangkan dan diambil kira dalam membuat keputusan dan hukuman.

Pertama:

Hukuman berat dijatuhkan kepada perayu.

Kedua:

Pengakuan bersalah perayu.

Ketiga:

Perayu benar-benar insaf dan menyesal.

Keempat:

Perayu merayu hukuman diringankan.

Keempat-empat faktor tersebut hendaklah diambilkira dalam menyatuhkan hukuman kepada perayu.

20. Ini adalah kerana bahawa perayu telah melakukan kesalahan kali pertama dan tiada rekod jenayah di masa lampau, maka seharusnya dipertimbangkan rayuan perayu dengan sewajarnya. Seterusnya dengan menjatuhkan hukuman penjara banyak

mendatangkan kesan negatif iaitu apabila dimasukkan ke dalam penjara perayu bercampur gaul dengan penjenayah berat dan ganas. Jika di penjara juga ia menyebabkan hubungan anak dengan ibu bapa serta hubungan adik beradik terjejas. Begitu juga di dalam penjara berlaku insiden pergaduhan, pengedaran dadah dan hubungan sumbang.

Didalam kes ini perayu telah berkahwin dan mempunyai tanggungan yang ramai. Perayu bekerja sebagai buruh untuk menyara keperluan keluarganya. Sekiranya hukuman pemenjaraan dikenakan terhadap perayu, maka tugas sebagai seorang suami dan bapa kepada anaknya akan tergendala sekaligus menjadikan masa depan perayu terjejas dan gelap. Mahkamah dalam hal ini merujuk kepada keputusan kes yang diputuskan oleh Yang Arif Dato' Husin bin Harun dalam kes XXXXXX lwn Ketua Pendakwa Syarie Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sembilan (Syawal 1423/Disember 2002) JH Jld. XV. Bhg. II menjelaskan bahawa:

"Di dalam hal ini perayu berhujah bahawa sebagai orang awam, perayu tidak pernah didedahkan dengan kaedah atau prosedur sebelum hukuman dijatuhkan mahupun prosedur perbicaraan

Mahkamah sendiri. Dalam keadaan penyesalan mental perayu benar-benar tertekan dan hanya mampu meminta Mahkamah agar meringankan hukuman. Hakikatnya perayu sadar akan perlunya memaklumkan Mahkamah tentang alasan-alasan yang telah disebut sebelum ini, tetapi hanya selepas hukuman dijatuhkan. Seandainya perayu masih diberi peluang sebagaimana sebelum hukuman dijatuhkan, nescaya seseorang yang tidak jahil tentang prosedur akan menggunakan peluang yang diberikan untuk memberi alasan yang benar-benar waras bagi perayu. Tetapi akibat kejahilan tersebut perayu hanya dapat menyatakan alasan rayuan yang terfikir olehnya pada ketika itu.

Perayu seharusnya diberi peluang yang munasabah dan jelas akan apa yang perlu dirayu sebelum hukuman dijatuhkan. Keadaan tertekan dan tambahan lagi suasana perbicaraan telah menyebabkan perayu tidak dapat berfikir secara matang dan wajar akan rayuan yang perlu dibuat sebelum hukuman dijatuhkan.

Perayu berhujah bahawa adalah tidak tepat Yang Arif Hakim Bicara menjatuhkan hukuman penjara selama 30 hari ke atas

perayu semata-mata kerana kejahilan perayu menggunakan peluang rayuan sebelum hukuman dijatuhkan. Ketidak fahaman prosedur seharusnya menjadi satu pengecualian sebelum dijatuhkan hukuman yang mana orang tidak mungkin arif tentang prosedur Mahkamah.

21. Mahkamah ini juga merujuk kepada alasan penghakiman oleh Yang Amat Arif Tuan Mohamad bin Abdullah dalam kes XXXXXX lwn Pendakwa Syarie Negeri Melaka (2004) CLI (Sya). Beliau menegaskan bahawa:

“Dari segi pemakaian prinsip jatuh hukuman, saya suka merujuk garis panduan yang diberi oleh Yang Arif Haji Yaakub bin Haji Ismail, Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dalam kes Pendakwaraya lwn Manokaran a/l Muniandy & satu lagi (Jun 1994) 6 (2) Kanun 158. Yang Arif Hakim tersebut menyebutkan bahawa prinsip-prinsip yang terpakai dalam menjatuhkan hukuman adalah jelas. Salah satu perkara yang penting ialah kepentingan awam. Yang Arif Hakim juga menyebutkan:

“Tertuduh hendaklah diberi pertimbangan kerana mengaku bersalah. Ini adalah kerana banyak wang dan masa awam

dijimatkan. Jika Tertuduh mengaku kesalahan dan ini akan mengelakkan perbicaraan yang berpanjangan dari berlanjutan. Yang Arif Hakim itu telah merujuk kepada kes **XXXXXXX lwn. PP(1998) 1 MLJ 167**, Mahkamah Agung telah memutuskan bahawa akuan bersalah akan membolehkan Tertuduh mendapat pertimbangan antara satu perempat kepada satu pertiga daripada hukuman”.

22. Mahkamah ini juga merujuk kepada alasan penghakiman Tan Sri Ahmad Ibrahim dalam kes XXXXXX lwn Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan (2004) CLJ (Sya).

“Perayu dalam kes ini telah mengaku salah mengenai apa yang kami berpendapat kesalahan yang berat dan dia sepatutnya dihukum terhadap kesalahan itu. Kami sebaliknya menimbangkan rayuannya bahawa kesalahannya yang pertama, ia mempunyai tiga orang anak bawah tanggungannya dan ia juga menampung ayahnya, mak mertuanya dan adik beradiknya yang masih bersekolah. Hukum penjara mungkin menyebabkan ia diberhentikan dari kerjanya di Pertronas dan juga akan menyebabkan ia kehilangan rumahnya yang ia telah membeli dengan hutang...

Hukuman penjara untuk masa yang pendek seperti satu bulan tidak dapat menolong memulihkan perayu dan kami boleh memberi pengiktirafan kehakiman kepada keadaan di mana penjara penuh sesak dengan banduan remand dan tempoh pendek. Oleh kerana sebab-sebab itu, kami berpendapat bahawa hukuman denda maksimum iaitu RM500.00 adalah mencukupi dan kami mengenyahkan hukuman penjara. Kami juga telah menasihat perayu bertaubat dan berazam tidak lagi melakukan perkara keji itu”.

23. Ketiga-tiga kes yang dirujuk mempunyai asas yang kukuh kenapa dan mengapa tertuduh diberikan keringanan hukuman. Beberapa faktor telah diberikan perhatian oleh Yang Arif Hakim, antaranya faktor berat dan ringan kesalahan tersebut. Diikuti pula oleh pengakuan bersalah perayu tanpa syarat serta pernyataan taubat serta rekod peribadi yang baik.

Ini adalah selaras dengan pandangan mantan Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Yang Amat Arif Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali bin Hj. Abdul Rahman dalam artikel yang bertajuk “Proses Penghakiman dan Menjatuhkan Keputusan di

Mahkamah Syariah Satu Penilaian Jurnal Hukum (1426H)
Rabiulawal 1426/Mei 2005. Antaranya menyatakan bahawa:

“Biasanya sebelum hukuman dijatuhkan terutama dalam kes jenayah Syariah, Hakim Syarie akan memerhatikan faktor yang memberatkan hukuman dan faktor yang meringankan hukuman. Setelah kedua-dua faktor ini diambil kira dan dipertimbangkan, barulah hukuman dijatuhkan. Secara tersuratnya, inilah asas pertimbangan Hakim-Hakim Syarie sebelum hukuman dijatuhkan. Selalunya antara faktor yang boleh meringankan hukuman ialah pengakuan bersalah dan pernyataan taubat, pesalah bawah umur, rekod peribadi yang baik, kesan hukuman terhadap kesihatan pesalah dan kesalahan pertama kali dilakukannya. Manakala faktor-faktor yang boleh memberatkan hukuman pula ialah rekod buruk pesalah, taraf perkahwinan, taraf pesalah didalam masyarakat dan kedudukan yang tinggi, kekerapan kesalahan yang dilakukan dan penggunaan kekerasan dan keganasan semasa melakukan kesalahan”.

24. Didalam kes ini saya ingin menambahkan lagi bahawa setiap hukuman yang dijatuhkan hendaklah mengambil kira siasah syariyyah sepertimana yang dinukilkan dibawah ini:

Mengikut Kitab:

كتاب اعلام الموقعين

Karangan Ibnu Qaiyim, Jld. 4 m muka surat 372-275 cetakan
Bairut Tahun 1972 dan lihat juga Kitab:

قضايا الحبس والإعتقال في الفقه الاسلامي

Oleh Dr. Muhammad Said al-Ramlawi Kuliyyah al-Syariah Wal-
Wanun-Kaherah Tahun 2008 Cetakan Darur al-Jamiah al-Jadidah
muka surat 7

السياسة التي تنتفق مع احكام التنريعة الاسلامية فتظهر الحق وترهق الباطل وترداهل الفساد . وتوصل
الى المقاصد الشرعية فلا سياسة الاماوافق الشرع وماكان من الافصال بحيث يكون الناس معه اقرب
الى الصلاح وأبعد عن الفساد

Syiasah Syariyyah sepertimana yang dikehendaki ialah ianya
menepati dengan kehendak hokum syarak. Iaitu dengan
mengzahirkan kebenaran dan menghilangkan kebatilan dan
seterusnya menghindarkan golongan-golongan fasad demi untuk
mencapai dan menepati tujuan magasid-al-syariah. Maka ianya
tidak dikira siasah kecuali ianya menepati dengan perlakuan

kebaikan dan menjauhkan kefasedan adalah dikira siasat syariyyah.

25. Didalam kes ini juga, saya bersetuju dengan hujahan pendakwa bahawa kesalahan yang dilakukan oleh OKT adalah serius dan berat mengikut hukum syarak.

a. Firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Maidah ayat 60:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْحَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رَجَسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ

تَقْلِحُونَ .

“Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) khamar, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan”.

b. Rasulullah s.a.w. juga pernah bersabda yang bermaksud:

“Daripada Abu Hurairah r.a.: Rasulullah telah bersabda: akan datang satu zaman seseorang itu tidak memperdulikan

dari mana ia mendapatkan harta, apakah dari sumber yang halal ataupun yang haram". (Hadith Riwayat Imam Bukhari).

Dan didalam satu Hadith yang lain Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

"Barangsiapa yang berkata kepada kawanya: marilah berjudi bersama-samaku, maka hendaklah ia menebus dosanya dengan bersedekah".

Imam al-Zahabiy didalam kitabnya "Al-Kabair" menyatakan tentang huraian Hadith di atas "jika sekadar dengan berkata: "marilah berjudi bersama-samaku" diwajibkan menebus dosa terhadap keterlanjuran bercakap perkataan tersebut dengan membayar kaffarah atau bersedekah, maka bagaimana pula hukuman yang patut dikenakan kepada pemain judi tentulah lebih berat lagi.

26. Saya juga bersetuju terhadap hujahan pendakwa bahawa untuk menjatuhkan sesuatu hukuman hendaklah merujuk kepada prinsip Sad Al-Zara'ie. Iaitu dengan melihat kepada natijah sesuatu perbuatan atau kesalahan yang dilakukan. Dengan erti

kata lain; Hukum sesuatu perbuatan itu ditentukan berdasarkan natijah yang akan terbit daripadanya, samada natijah tersebut dimaksudkan oleh pelakunya atau tidak.

27. Saya juga bersetuju dengan hujahan pendakwa Pendakwa bahawa natijah daripada perbuatan tertuduh akan merosakkan diri sendiri dan mencemarkan maruah keluarganya. Sikap dan perbuatan yang dilakukan oleh tertuduh ini bukan sahaja mengecewakan keluarganya, malah memporak perandakan kehidupan keluarga dan juga diri tertuduh sendiri. Jika tidak masakan ayat-ayat Al-Quran dan Hadith memberi peringatan yang tegas kepada umat islam dalam perkara ini. Antara kesannya ialah:

- i. Memberikan contoh yang tidak baik kepada ahli keluarga dan masyarakat kerana berjudi adalah jalan singkat untuk mengejar kekayaan dan wang ringgit.
- ii. Dari segi akhlak seseorang yang berjudi akan menjadi lalai dalam beribadah, malas untuk berusaha, tamak haloba, iri hati, dendam, khianat, suka berhutang, membazir, menipu dan putus asa dari rahmat Allah.

- iii. Orang yang ketagih atau kaki judi beranggapan bahawa judi adalah salah satu bentuk usaha untuk memperbaiki taraf kehidupannya, tetapi mereka tersilap kerana sebenarnya matlamat tidak sesekali menghalalkan cara. Demi mengejar sesuatu matlamat, kita sepatutnya berusaha bersungguh-sungguh, menggunakan saluran yang betul dan mengerah akal fikiran serta tenaga. Islam meletakkan keutamaan kepada pencarian rezeki dan nafkah hidup dengan cara yang bersih dan halal bukannya dengan jalan singkat melalui perjudian.
- iv. Seseorang yang meraih rezeki dengan hasil perjudian yang haram tidak akan mendapat keberkatan daripada Allah. Kesannya juga terpaksa ditanggung oleh keluarganya sendiri. Ini adalah kerana apabila rezeki yang haram disogokkan kedalam mulut isteri, anak-anak dan keluarganya maka ia akan sebatu menjadi darah daging mereka. Oleh itu tidak mustahil kesan-kesan negatif akan terserlah samada dalam jangkamasa yang pendek atau panjang. Misalnya akan mengakibatkan lunturnya nilai silaturrahim sesama keluarga, kehidupan porak peranda, tiada kepercayaan dan hormat menghormati, sukar

mendapat kejayaan dalam apa juga yang dilaksanakan, terjebak dalam masalah sosial dan sebagainya.

- v. Apabila seseorang yang ketagih judi menjadi kronik, maka mereka sanggup menggadaikan aqidah mereka dengan melakukan perbuatan syirik dan menyekutukan Allah seperti bertilik nasib, memuja kubur, mendapatkan bantuan bomoh serta memakai tangkal azimat.
28. Dalam membuat pertimbangan terhadap rayuan perayu, Mahkamah ini berpendapat, oleh kerana perayu dalam kes ini telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan di bawah Seksyen 81 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka (EKSNM) 1991 tanpa syarat maka ianya membantu Mahkamah menjimatkan masa, tenaga dan kos pihak-pihak yang terlibat. Pengakuan bersalah biasanya di terima oleh Hakim Bicara sebagai salah satu faktor meringankan hukuman. Ia bukan sahaja menjimatkan masa, kos dan tenaga tetapi mengurangkan atau menjimatkan perbelanjaan yang besar untuk satu-satu perbicaraan yang panjang, menjimatkan masa dan kesusahan orang ramai khususnya saksi-saksi.

29. Walaupun begitu, amalan ini tidak harus diteruskan kerana ia boleh menyebabkan penyalahgunaan pelaksanaan keadilan. Kadangkala pengakuan bersalah ini, tidak akan mempunyai kesan ke atas hukuman kerana kadang-kadang pesalah ini, menggunakan kesempatan dengan menggunakan ruang, peluang yang sedia ada untuk merayu. Biasanya perayu akan menggunakan pelbagai taktik dan teknik seperti menangis, mendakwa anak-anak masih kecil, mendakwa tidak mempunyai pendapatan yang tetap dan tidak mempunyai pekerjaan. Seterusnya menimbulkan masalah kesusahan keluarga dan masalah-masalah bebanan hutang dan pelbagai rayuan lagi. Ini serba sedikit mempengaruhi pemikiran Hakim untuk meringankan hukuman.
30. Pendekatan yang baik ialah dengan melihat sejauh manakah kesalahan itu dilakukan. Samada berat atau ringan atau boleh mendatangkan kesan negatif kepada masyarakat Islam. Kadang-kadang kala didapati pesalah tersebut telah mengulangi perbuatan yang sama. Akibatnya meringankan hukuman kepada pesalah tidak memberikan kesan positif kepada pesalah-pesalah. Ini selaras dengan pandangan Imam Ibnu Taimiyyah didalam kitabnya *السد يا سة الشر عيه* halaman 112.

Kata Ibnu Taimiyyah lagi:

فإذا أمكن أن تكون العقوبة من جنس المعصية , كان ذلك هو المشروع بحسب الإمكان

Jika kesalahan yang dilakukan itu banyak maka hendaklah di tambah hukuman ke atasnya, sebaliknya jika kesalahan yang dilakukan itu adalah sedikit maka hukumannya adalah dikurangkan. Hukuman yang dikenakan kepada pesalah jenayah takzir adalah mengikut keadaan diri pesalah tersebut.

فإذا كان من المدمنين علي الفجور زيد في عقوبته , بخلاف المقل من ذلك , وعلي حسب كثرة الذنب وصغره

Jika pesalah jenayah takzir tersebut mengekali melakukan jenayah tersebut berulang-ulang kali maka hukuman yang dikenakan ke atasnya adalah lebih berat lagi daripada hukuman yang dikenakan sebelum itu. Adapun jika kesalahannya adalah kecil maka hukumannya juga adalah tidak berat, hukuman yang dikenakan kepada pesalah jenayah adalah mengikut keadaan jenayah yang dilakukan samada berat atau ringan.

31. Dalam membuat pertimbangan rayuan tersebut Mahkamah akan meneliti dan merujuk kepada kata-kata perayu iaitu keinsafan perayu tidak akan mengulangi perbuatan tersebut, harus diambil kira memandangkan

pertuduhan dan kesalahan yang dilakukan adalah berbentuk pertuduhan dan hukuman kesalahan takzir sahaja. Pengertian takzir mengikut Dr. Abdul Aziz Amir di dalam kitabnya *التزير في الشريعة الإسلامية* halaman 38, cetakan Dar al-Fikr al-Arabiy tahun 2007 ialah:

ويعرفه الفقهاء بأنه عقوبة غير مقدرة تجب حقاً لله أزلاً وأبدياً ، ففي كل معصية ليس فيها حد ولا كفارة ، وهو كالحدود في أنه تأديب إستصلاح وزجر .

“Fuqaha” mentakrifkan (takzir) sebagai satu pembalasan yang tidak ditetapkan kadar wajibnya, samada berkaitan hak Allah atau hak manusia, dan juga perbuatan maksiat yang tiada ditetapkan hukuman had dan hukuman kaffarah padanya. Tujuan hukuman takzir adalah sama seperti pelaksanaan hukuman had (hudud) iaitu bertujuan untuk memberi pengajaran (takdib), pengislahan (pemulihan) dan menghalang daripada terus melakukan perkara itu.

As-Syeikh Abdul Qadir Audah di dalam kitabnya “ Al-Tasyi’al-Jinaeii” halaman 688 ada menyebut satu kaedah Fiqhiyyah iaitu:

قل عقوبة تؤدي الى تأديب المجرم واستصلاحه وزجر غيره ، وجماعة من شر الجريمة هي عقوبة مشروعة

Setiap hukuman yang berbentuk kepada mendidik dan memperbaiki diri pesalah serta menghalang orang lain daripada mengikut jejak langkahnya

serta memelihara masyarakat daripada bahawa jenayah tersebut maka ia adalah dikira sebagai (Uqubah Syareiyyah).

Di dalam kitab " العقوبة في الفقه الاسلامي " karangan Dr. Ahmad Fathi Bahansiy halaman 135, cetakan Dar al-Raid al'Arabiy, Tahun 1403H ada menyebut:

ان مقدار التعزير بحسب المصلحة وعلى قدر الجريمة

Sesungguhnya kadar takzir yang dijatuhkan hukum kepada pesalah takzir adalah mengikut kemaslahatan dan juga tahap jenayah yang telah dilakukan.

Kata Abu Bakar Al-Tartusy di dalam kitab "Akhbar Al-Khulafa Al-Mustaqaddimin"

Sesungguhnya pada Khulafa al-Rashidin menjatuhkan hukuman kepada pesalah jenayah Takzir adalah mengikut tahap jenayah yang dilakukan. Ada di antara mereka yang dijatuhkan hukuman pukul. Ada yang dikurung (penjara). Ada yang disuruh berdiri dalam keadaan menjengkit jari kaki di khalayak orang ramai. Ada juga yang ditanggalkan serbannya di khalayak orang ramai. Ada juga yang dilondihkan kain di khalayak orang.

32. Berdasarkan kepada beberapa pandangan ulama di atas maka dapat disimpulkan bahawa hukuman takzir adalah merupakan suatu hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim mengikut budi bicara Hakim. Hakim boleh menentukan dan memilih hukuman yang patut, sesuai serta munasabah untuk dijatuhkan hukuman ke atas pesalah-pesalah selaras dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukannya. Tujuannya ialah menolak dan menghalang pesalah-pesalah dari melakukan dan mengulangi kesalahan-kesalahan mereka di masa akan datang serta memberikan pengajaran (takdib) dan pengislahan (pemulihan) terhadap pesalah yang telah disabitkan oleh Mahkamah. Di Melaka, hukuman takzir telah dikanunkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Melaka melalui Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991. Sebagai contoh Seksyen 92 Enakmen Kesalahan yang sama memperuntukkan bahawa:

“Seksyen 92 – Tanpa menyentuh peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, Mahkamah bolehlah mengenakan hukuman takzir ke atas mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah hukum syarak yang tidak diperuntukkan oleh Enakmen itu dan apabila disabitkan orang itu hendaklah dikenakan hukuman denda tidak melebihi hukuman lima ratus ringgit atau di penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-dua sekali”.

Inilah hukuman takzir yang telah ditentukan oleh Undang-Undang tersebut. Hukuman takzir ini wajib dilaksanakan oleh Hakim kerana hukuman takzir adalah hak pemerintah/Kerajaan, dimana Hakim yang telah dilantik dan diberi kuasa adalah orang yang bertanggungjawab dari pihak pemerintah/Kerajaan untuk menghukum mereka yang telah sabit kesalahannya di Mahkamah dalam wilayah kekuasaannya.

33. Di dalam memilih hukuman yang patut dan sesuai serta munasabah bagi hukuman takzir, Hakim hendaklah mengambil kira mengenai keadaan hidup serta latar belakang orang yang bersalah itu dan jenis-jenis kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan serta kesannya kepada masyarakat. Dalam kes ini pada pandangan saya adalah harus bagi Hakim meringankan hukumannya. Jika ada pandangan dan pendapat Hakim bahawa tindakannya itu memberi kebaikan dan kemanfaatan kepada pesalah dan masyarakat Islam sekeliling.

Maka dalam kes ini Hakim Bicara sewajarnya dan sepatutnya menggunakan budi bicaranya menimbangkan pengakuan bersalah perayu secara sukarela tanpa ada paksaan mana-mana pihak serta keinsafan perayu terhadap kesalahan yang dilakukan. Saya berpendapat hukuman denda secara maksimum dan penjara adalah hukuman berat ke atas perayu yang sabit sebagai kesalahan kali pertama dan tiada mana-mana rekod jenayah dilakukan oleh perayu setakat ini.

34. Mahkamah ini berpendapat dalam menimbangkan sesuatu hukuman, antara prinsip dan faktor yang utama adalah kepentingan umum ataupun “masalah ammah”. Ianya bergantung kepada beratnya kesalahan yang dilakukan oleh perayu. Ia juga berkait rapat dengan tertuduh samada seorang yang tidak mahu bertaubat ataupun sebaliknya. Perkara yang kedua, kesalahan kali pertama perayu ataupun berulang. Perkara yang ketiga yang perlu dipertimbangkan ialah rayuan perayu untuk peringanan hukuman. Oleh itu setelah saya melihat, meneliti dan merujuk kes ini perayu telah mengaku bersalah dan berasa insaf serta bertaubat atas kesalahan yang telah dilakukannya dan perayu juga merayu terhadap hukuman Hakim Bicara sebagaimana yang telah dinyatakan dalam alasan rayuan.

35. Justeru itu, sewajarnya perayu patutlah diberi peluang atas keinsafannya. Sebagaimana Firman Allah s.w.t. dalam surat al-Maidah ayat 39:

فَمَنْ تَابَ مِنْ بَعْدِ ظُلْمِهِ وَأَصْلَحَ فَإِنَّ اللَّهَ يَتُوبُ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Bermaksud: “Maka sesiapa yang bertaubat sesudah ia melakukan kejahatan dan memperbaiki amal usahanya, maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya”.

Begitu juga dalam surah al-Nisa' ayat 17:

انما التوبه على الله للذين السوء بجهة ثم يتوبون من قريب فأولئك يتوب الله عليهم وكان الله عليما
حكيمًا

Bermaksud:

“Sesungguhnya penerimaan taubat itu oleh Allah hanya bagi orang-orang yang melakukan kejahatan disebabkan (sifat) kejahilan kemudian mereka segera bertaubat, maka (dengan adanya dua sebab itu) mereka diterima Allah taubatnya: dan ingatlah Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.

Ayat diatas telah menjelaskan bahawa orang yang melakukan kesalahan kerana kejahilan (bukan buat-buat jahil) maka taubatnya diterima oleh Allah.

Ini adalah selaras dengan pandangan Imam al-Qurtubi dan tafsir yang kenal iaitu الجامع الاحكام القرآن jilid 3 muka surat 60-61 cetakan Bairut Lubnan.

Tiap-tiap orang yang melakukan maksiat adalah dikira jahil sehingga mereka meninggalkan maksiat tersebut.

Begitu juga pandangan Imam al-Qatadah yang menjelaskan bahawa para sahabat Rasulullah s.a.w. telah bersepakat mengatakan tiap-tiap maksiat yang dilakukan adalah dikira sebagai jahil samada ianya melakukan dengan sengaja atau jahil.

36. Persoalannya timbul disini bagaimana sekiranya orang yang melakukan kesalahan itu berkali-kali. Untuk itu marilah kita merujuk kepada sambungan ayat tersebut:

Firman Allah yang bermaksud:

“Dan tidak ada gunanya taubat itu kepada orang-orang yang selalu melakukan kejahatan hingga apabila salah seorang daripada mereka hampir mati, berkatalah ia: “Sesungguhnya aku bertaubat sekarang ini”, (sedang taubatnya sudah terlambat), dan (demikian juga halnya) orang-orang yang mati sedang mereka tetap kafir. Orang-orang yang demikian, Kami telah sediakan bagi mereka azab seksa yang tidak terperi sakitnya”. (maksud surah an-Nisa’, ayat 18).

Mahfum daripada kedua-dua ayat di atas, kita boleh perincian mengenai tiga kategori azab dan tiga kategori taubat.

Pertama, taubat yang pada zahirnya diterima Allah dan yakinlah bahawa Allah yang menerima taubat tersebut. Iaitu taubat orang

yang melakukan dosa, yang tidak disengajakan akibat kejahilan, tidak menyedarinya sesuatu kesalahan, lalu apabila ia sedar, ia terus bertaubat nasuha kepada Allah dan itulah yang Allah sebutkan dalam ayat 17 Surah an-Nisa' di atas, Allah menerima taubatnya.

Kategori Kedua, taubat yang diserahkan kepada Allah samada Dia menerima atau menolaknya. Kita cuma mengharapakan Allah menerimanya. Inilah yang disebut dalam firman Allah (mahfumnya): "Dia (sebahagian) yang lain mengakui dosa-dosa mereka. Mereka telah mencampuradukkan amal yang baik dengan amal yang lain, yang buruk. Mudah-mudahan Allah akan menerima taubat mereka; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani". (Maksud Surah au-Taubah, ayat 102).

Ini bererti bahawa dalam kategori ini, harapan untuk diterima taubat masih ada dan ia terserah kepada Allah untuk menerimanya.

Kategori yang ketiga adalah taubat yang tidak diterima Allah (taubat yang sia-sia). Inilah yang disebut dalam Surah an-Nisa, ayat 18 di atas.

Ayat ini Allah tujukan kepada golongan yang taubat mereka tidak diterima. Walau apa pun hendaklah kita berbaik sangka kepada Allah kerana Allah Maha Pengampun Maha Penyayang.

Pohonlah keampunan kepada Allah sepertimana dalam firmanNya (mafhumnya): “Khabarkanlah kepada hamba-hambaKu (wahai Muhammad), bahawa Akulah Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani (bagi mereka yang bertaubat dan beramal salih)”. (Surah al-Hijr, ayat 49).

37. Dalam hadis yang diriwayatkan Imam al-Bukhari mafhumnya: “Rasulullah s.a.w. menceritakan, perihal seorang insan daripada kalangan Bani Israil yang pernah berdosa dengan membunuh 99 nyawa, lalu hendak bertaubat kepada Allah s.w.t. dengan bertanya cerdik pandai pada zamannya, bagaimana caranya beliau boleh bertaubat untuk diterima oleh Allah s.w.t.

Dia dianjurkan untuk menemui seorang rahib. Lalu rahib itu berkata kepadanya, “Sudah tertutup jalan (pintu) taubat buat kamu, kamu tidak perlu lagi bertaubat kerana Allah tidak mahu menerima taubat kamu”.

Lalu dengan perasaan yang amat marah, lelaki itu terus membunuh rahib itu, dengan menggenapkan orang ke 100 yang dibunuhnya. Dia mencari lagi orang yang boleh menunjukkan jalan untuk dia bertaubat. Lalu dia menemui seorang alim lagi abid. Orang itu menunjuk jalan kepadanya dengan mengatakan, ‘Tinggalkanlah daerah ini dan

pergilah ke satu tempat yang dihalalkannya. Disana kamu akan menemui insan-insan salih, di bumi salih yang memandu kamu kearah taubat dan Allah akan menerima taubat’.

Pembunuh itu terus menuju kearah yang ditunjukkan orang alim tersebut, lalu di pertengahan jalan, dia menemui ajalnya. Bagaimanapun berlaku pertelagahan antara malaikan azab dan malaikat rahmah. Hendak dibawa ke manakah roh si pembunuh ini.

Malaikat rahmah mahu membawa ke rahmah Allah kerana dia nyata hendak bertaubat, sedangkan malaikat azab mahu membawanya ke azab Allah kerana dia tidak pernah melakukan apa-apa kebaikan, malah sudah membunuh 100 orang.

“Dalam keadaan demikian, datanglah penyelesaian, maka datanglah malaikat ketiga yang menganjurkan kepada kedua-dua malaikat yang bertelagah dengan mengukur jalan, dari tempat asal yang penuh dengan kesesatan, kearah jalan yang benar-benar dia hendak bertaubat. Mana yang lebih hampir.

Apabila diukur maka didapati dia sudah benar-benar hampir ke tempat untuk dia bertaubat bersungguh-sungguh, maka dia dihukum sudah bertaubat, lalu rohnya dibawa ke rahmat Allah s.w.t.”.

38. Berdasarkan kepada Al-Quran dan Hadis di atas sesungguhnya Allah s.w.t. mahu menerima taubat hambanya sekiranya ia benar-benar bertaubat nasuha.

Didalam hadis di atas juga ianya telah memberikan beberapa pertunjuk dan isyarat bahawa seseorang yang telah melakukan maksiat hendaklah ia berhijrah dan meninggalkan maksiat tersebut. Ianya juga hendaklah menukarkan halatujunya daripada tidak baik kepada baik. Barulah dikira ia berusaha untuk bertaubat.

Didalam kes ini timbul persoalan mengenai rayuan perayu yang hanya menimbulkan penyesalan di atas perbuatan yang dilakukan. Ianya tidak menyebutkan perkataan bertaubat. Maka timbul persoalan adakah penyesalan itu termasuk bertaubat.

Mengikut kitab:

الجامع الاحكام القرآن

Karangan Imam al-Qurtubi muka surat 61.

“Untuk menentukan seseorang itu benar-benar bertaubat maka ianya hendaklah memenuhi rukun taubat, iaitu seperti berikut :-

- i. Menyesal di atas perbuatan yang telah dilakukan.
- ii. Meninggalkan perbuatan dengan seberapa segera.
- iii. Berazam tidak akan melakukan maksiat lagi.

iv. Malu kepada Allah bukan kepada manusia”.

Sekiranya seseorang itu telah menyesal di atas perbuatan maksiat yang dilakukan maka ia bukan lagi dikira bertaubat yang sebenarnya. Ini adalah kerana taubat yang sebenarnya ialah bertaubat memohon keampunan dari dosa yang telah dilakukan dan diikuti pula dengan penyesalan tidak akan melakukan maksiat lagi di atas perlakuan maksiat yang telah lalu. Dengan ertikata yang lain setiap orang yang melakukan maksiat hendaklah bertaubat terlebih dahulu kemudian diikuti oleh penyesalan. Tidak semestinya menyesal dahulu dikira bertaubat kerana taubat itu hendaklah memenuhi rukun dan syaratnya.

Maka didalam persoalan ini saya berpendapat bahawa perayu dalam kes ini boleh dikategorikan sebagai kurang arif dalam hal agama. Oleh sebab itu apabila perayu menyebut perkataan menyesal, maka baginya adalah bermaksud bertaubat.

Mengikut kitab:

الجامع الاحكام القرآن

Karangan Imam al-Qurtubi Jld. 2 muka surat 203 ada menjelaskan lagi bahawa:

“Sesungguhnya Taubat daripada pelbagai jenis maksiat yang dilakukan adalah tidak sah. Taubat yang sebetulnya ialah seperti kalau ia bermain judi dan minum arak, maka dia hendaklah mendahulukan bertaubat bermain judi dahulu kemudian diikuti bertaubat minum arak. Dia tidak boleh mengumpulkan kesemua maksiat untuk bertaubat”.

Selalunya di dalam kes-kes yang dibicarakan apabila dijatuhkan hukuman ianya boleh dibahagikan kepada dua golongan manusia. Satu golongan yang bertaubat dan menyesal satu golongan lagi tidak merasakan apa-apa.

Golongan Pertama:

Setelah hukuman dijatuhkan kepadanya ia mula menyesal, hatinya merasai keluh kesah tidak tenteram, mulai merasai bersalah, sikapnya terumbang ambing. Maka timbul kesedaran dalam hatinya untuk merubah, mula untuk berjinak-jinak dengan masjid, surau, tempat pengajian. Mula hendak cukupkan solatnya, cukup puasa dan berazam meninggalkan sebarang maksiat, berikrar dan berjanji kepada dirinya untuk berubah menjadi orang yang taat kepada titah perintah Allah. Akhirnya beliau mahu bertaubat nasuha, kita dapat melihat raut wajah orang yang bertaubat. Mukanya ada nur cahaya.

Golongan Kedua:

Ada manusia yang mengambil sikap tidak merasai apa-apa walaupun dijatuhkan hukuman denda maksima atau penjara. Baginya, itu semua adalah tanggungan sendiri-sendiri. Sanggup buat, maka sanggup menanggung hukuman. Baginya perlakuan tersebut adalah sehati dan sejiwa dengannya. Hari ini ditangkap, besok buat lagi, pendik kata biar apapun hukuman yang dijatuhkan kepadanya, ianya tidak member apa-apa kesan kepada dirinya. Semasa Hakim memberi ruang dan peluang kepadanya untuk merayu sebelum dijatuhkan hukuman, mereka tidak terpancar untuk mengeluarkan perkataan bertaubat atau menyesal di atas perbuatan tersebut. Malah mereka hanya mengeluarkan perkataan pohon dikurangkan hukuman denda dan tidak mahu dipenjaraka, itu sahaja perkataan yang dikeluarkan. Biasanya dalam kes yang sebegini, Hakim akan menjatuhkan hukuman denda yang maksima dan dihukum penjara kurang daripada 6 bulan. Akan tetapi apabila Hakim menjatuhkan hukuman penjara mulalah mereka mempertikaikan keputusan Hakim tersebut. Barulah mereka sibuk mencari peguam untuk membuat rayuan bagi mengenepikan hukuman penjara tersebut.

39. Timbul persoalan disini adakah dengan bertaubatnya perayu sudah menggugurkan hukuman takzir ke atasnya.

Mengikut pandangan Imam Gharafi dan Dr. Wahbah Zuhailiy dan satu pendapat daripada mazhab Hanafi bahawa sesungguhnya hukum takzir akan gugur sekiranya ia bertaubat.

40. Dalam kes ini apabila pesalah merayu dengan membuat pengakuan bahawa beliau telah insaf dan bertaubat dan merayu tidak akan mengulangi perbuatan tersebut maka ini bermakna ia sudah menyesal di atas perbuatannya. Hakim sepatutnya menilai keseriusan taubatnya. Bagi saya apabila saya melihat pesalah itu benar-benar insaf dan bertaubat bermakna ia telah betul-betul bertaubat dan insaf terhadap kesalahan itu.
41. Pada pandangan saya, hukum tersebut hendaklah diringankan iaitu bermula dengan hukuman denda dahulu bukan denda dan penjara. Penjara ini adalah berat baginya kerana beliau mempunyai anak, isteri dan keluarga. Maka timbul persoalan di sini adakah hukuman penjara ini sebagai satu bentuk hukuman takzir kepada pesalah yang dibenarkan. Mengikut pandangan ulama' mereka bersepakat bahawa penjara adalah merupakan salah satu bentuk hukuman takzir. Akan tetapi para ulama tidak sepakat menguna kadar tempoh masa pesalah boleh dipenjarakan. Mengikut Pengarang dalam Kitab Tabsirah Al-Hukkam jilid 2 halaman 284, Al-Tasyri, Al-Jinoi karangan Abdul Qadir Audah jilid 1 halaman 694, beliau membahagikan pandangan ulama; kepada tiga pandangan mazhab.

Pandangan Mazhab Pertama:

Sekurang-kurang penjara ialah satu hari dan tidak melebihi 6 bulan.

Pandangan Mazhab Kedua:

Tidak boleh melebihi satu tahun. Pendapat ini adalah masyhur di kalangan ulama' Mazhab as-Syafei.

Pandangan Mazhab Ketiga:

Menurut kebijaksanaan Hakim.

42. Berdasarkan kepada pandangan ulama' tersebut menunjukkan bahawa hukuman takzir dibolehkan dengan mengenakan penjara atau denda. Maka terpulanglah kepada Hakim tersebut samada untuk menghukumkannya dengan denda atau penjara. Akan tetapi didalam kes ini saya dapati Hakim Bicara telah menjatuhkan hukuman denda dan penjara kepada perayu. Saya merasakan bahawa sungguhpun dibolehkan hukuman penjara tetapi saya merasakan hukuman penjara adalah suatu yang berat kepada perayu. Ini adalah selaras dengan pandangan Abdul Qadir Audah di dalam kitabnya al-Tasyri' – al-Jinae, jld. 1 halaman 695 yang menegaskan bahawa:

“Hukuman penjara ke atas kesalahan jenayah takzir adalah merupakan hukuman yang dikategorikan hukuman yang berat menurut hukum syarak. Ini adalah kerana jenayah tersebut tidak sampai ke tahap hukuman hudud”.

Oleh sebab itu hukuman tersebut terserah kepada kebijaksanaan seseorang Hakim dalam membuat penentuan samada pesalah dihukum atau dilepaskan mengikut kepada fakta kes serta tahap pembuktian kes tersebut. Hukuman ini juga adalah bergantung pada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pesalah serta kesan daripada hukuman ke atas diri pesalah yang menerima hukuman itu.

Berdasarkan kepada kes ini saya berpendapat bahawa pesalah/perayu setelah membuktikan benar-benar insaf, bertaubat dan tidak mengulangi perbuatan yang sama pada masa akan datang serta ini merupakan kesalahan pertama beliau dan tiada rekod jenayah di masa lampau, maka ini bermakna perayu telah berjaya membuktikan secara suci hati dan ikhlas bahawa perayu telah benar-benar insaf terhadap kesalahan yang dilakukan pada masa lampau. Keinsafan inilah yang dapat meringankan hukuman. Maka saya berpendapat dengan hukuman denda tersebut dapat memberi pengajaran (ta’dib) kepada perayu dan menasihati perayu agar bertaubat nasuha kepada Allah.

KEPUTUSAN

Setelah membaca, mendengar dan meneliti hujah kedua-dua pihak dan rekod rayuan serta alasan rayuan perayu, serta meneliti dokumen-dokumen yang dijadikan sebagai ekshibit maka saya berpuas hati bahawa perayu berhak mendapatkan keinginan hukuman. Maka dengan ini saya menghukumkan perayu seperti berikut:

- i. Rayuan perayu di terima, hukuman denda dinaikkan daripada RM700.00 kepada RM1,000.00 dan hukuman penjara ke atas perayu diketepikan.
- ii. Sekiranya denda telah dibayar sebanyak RM700.00 maka perayu diperuntukkan membayar denda yang berbaki sebanyak RM300.00.
- iii. Perintah ini berkuatkuasa serta merta.